

# Jika OIC mahu tebus kembali maruah diri dan Dr Majak bertindak satu Islam nada

B. H. 1 7OCT2002

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan tanggungjawabnya sebagai pengerusi baru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) semalam dengan mengajak 57 negara anggota badan itu supaya segera bertindak dalam satu nada jika mereka mahu menebus kembali maruah diri dan agama Islam.

Sebagai langkah awal, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan semua negara Islam boleh merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama sekurang-kurangnya berhubung isu besar seperti Palestin, kalau pun tidak mengenai semua isu.

Sambil menjelaskan sidang kemuncak kali ini diperhatikan seluruh dunia dan umat Islam menaruh harapan

● **Lihat Minda Pengarang di Muka 14**

● **Teks ucapan Dr Mahathir di Muka 14 dan 15**

tinggi supaya OIC bertindak, beliau berkata, pemimpin dunia Islam tidak lagi boleh berkata mereka tidak mampu berbuat sesuatu apabila agama dan ummah menghadapi kemusnahan.

"Banyak sumber kekayaan boleh digunakan oleh kita. Yang diperlukan cuma kesungguhan untuk bertindak. Sebagai umat Islam, kita mesti bersyukur atas pedoman yang dibawa agama kita, kita harus melakukan apa yang

---

Saya berdoa kepada Allah supaya Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya, Malaysia akan menunjukkan hala tuju yang baru dan positif kepada kita, supaya direstui dengan kejayaan oleh-Nya, Allah Yang Maha Kuasa, Ar-Rahman, Ar-Rahim

---

Dr Mahathir Mohamad

---

perlu dibuat dengan kerelaan dan keazaman.

“Allah tidak mengangkat kita sebagai pemimpin, mengatasi yang lain, supaya kita menikmati kuasa untuk faedah diri sendiri saja. Kuasa yang kita pegang ialah untuk rakyat kita, untuk ummah, untuk Islam.

“Kita perlu ada kesungguhan untuk

menggunakan kuasa ini dengan bijaksana, adil, berhemah dan sepakat,” katanya berucap sejeurus selepas menerima pelantikan sebagai pengerusi OIC ke-10 daripada Amir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani selaku pengerusi kesembilan, pada upacara perasmian sidang kemuncak OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di

sini semalam.

Sidang kemuncak bertemakan ‘Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kema-juan Ummah’ itu, adalah yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik. Ia dihadiri 33 ketua negara sama ada raja atau presiden, jumlah kehadiran peringkat tertinggi yang terbesar dalam sejarah penubuhan OIC, manakala ba-

kinya diwakili perdana menteri atau menteri luar masing-masing.

Selain pemimpin Islam dari Asia Barat, Afrika, Asia dan Pasifik, sidang kemuncak OIC kali ini turut dihadiri Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal atas jemputan Malaysia.

Sidang kali ini juga mencatat seja-

rahnya tersendiri apabila Putin, meminta untuk berucap bagi menjelaskan mengenai perkembangan kira-kira 20 juta umat Islam di republik itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun umat Islam kini ditindas dan dihina, mereka yang ditempatkan Allah sebagai pemimpin ummah, langsung tidak cuba bertindak secara bersatu untuk

mempamerkan persaudaraan dan perpaduan seperti dituntut Islam.

“Saya tidak hendak membilang satu persatu peristiwa penghinaan dan penindasan terhadap kita dan saya juga tidak ingin untuk sekali lagi menghentam pengutuk atau penindas kita.

**LIHAT MUKA 2 ►**

# Tiga faktor umat Islam terus dihina

BH 17 OCT 2003

## ► DARI MUKA 1

"Ia akan menjadi usaha sia-sia kerana mereka tidak akan mengubah sikap mereka terhadap kita semata-mata kerana kita menecam mereka. Jika kita ingin menebus kembali maruah kita dan maruah Islam, agama kita, kitalah yang mesti membuat keputusan, kitalah yang mesti bertindak," tegasnya.

Dalam ucapannya selama hampir 40 minit itu, Dr Mahathir secara berterus terang menyatakan faktor utama umat Islam terus menjadi mangsa penghinaan dan penindasan, antaranya tidak dapat bersatu, gagal memanfaatkan kekayaan yang dimiliki dan tidak mempunyai strategi.

Beliau turut mengimbau sejarah awal Islam pada zaman Rasulullah apabila umat Islam yang sedikit ketika itu berjaya bangkit menghadapi penindasan dan penghinaan daripada Quraisy kerana mereka mempunyai strategi bertindak serta perpaduan jitu antara kaum Ansar dan Muhajirin.

Perdana Menteri berkata, dengan 1.3 bilion penduduk, negara Islam sebenarnya kuat tetapi mereka tidak pernah bersungguh-sungguh untuk cuba bersatu dan bekejasama.

Dunia Islam juga mempunyai banyak kekayaan dan simpanan minyak terbesar serta menguasai 57 daripada 180 negara di dunia, malah undi mereka boleh menentukan jatuh bangunnya pertumbuhan antarabangsa.

"Namun, kita seolah-olah lebih tidak berdaya berbanding sebilangan kecil masyarakat Jahiliyah yang memeluk Islam dan menerima Rasulullah sebagai pemimpin mereka.

"Kita sebenarnya amat kuat, 1.3 bilion penduduk bukan mudah untuk dihapuskan. Orang Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi, pada hari ini kaum Yahudi memerintah dunia secara proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berjauhan dan mengorbankan nyawa bagi mereka," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun percaya penyatuan 1.3 bilion umat Islam dan usaha menggabungkan semua kerajaan Islam untuk bertindak dengan satu nada bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Walaupun kita hanya mendapat satu pertiga daripada ummah dan satu pertiga daripada negara Islam untuk bertindak bersama, kita telah boleh melakukan sesuatu," katanya sambil menambah, umat Islam juga perlu menggunakan akal jika mahu mencapai kemenangan.

Beliau berkata, selain perpaduan, walaupun tidak menyeluruh, umat Islam perlu menilai aset mereka. Umat Islam mempunyai banyak kuasa politik, ekonomi dan kewangan yang mencukupi bagi mengatasi kelemahan dalam bidang ketenteraan.

Perdana Menteri juga berkata, dunia Islam tidak perlu membangkitkan kemarahan sesiapa, sebaliknya menawan hati dan minda kerana bukan semua bukan Islam menentang Islam.

"Sesetengah daripada mereka lebih terdorong ke arah kita. Ada antara mereka melihat musuh kita sebagai musuh mereka juga. Malah sesama orang Yahudi sekalipun, banyak yang tidak menyokong apa yang dilakukan Israel sekarang.

"Kita mesti menarik mereka menyebeli kita, bukan secara menagih bantuan mereka tetapi dengan berjuang untuk membela nasib kita sendiri secara terhormat.

"Jangan kita pula membantu memperkuat musuh dengan mendorong semua pihak menyebeli mereka hanya kerana tindakan kita yang tidak bertanggungjawab dan bertentangan dengan Islam," katanya.

Mengenai Palestin, Dr Mahathir berkata umat Islam gagal mencapai sebarang keputusan dalam memperjuangkan hak penduduk Palestin sejak 50 tahun lalu kerana mereka berdepan dengan satu bangsa yang menggunakan akal.

Dengan merujuk kepada bangsa Yahudi, beliau berkata umat Islam juga sepatutnya menggunakan akal bagi memastikan kemenangan di Palestin.

"Mereka dapat menghadapi pembunuhan kaum (pogrom) selama 2,000 tahun bukan dengan melawan balik tetapi dengan berfikir. Mereka mencipta dan menggalakkan Sosialisme, Komunisme, hak asasi manusia dan demokrasi supaya pembunuhan ke atas mereka akan kelihatan sebagai satu kesalahan, dengan itu mereka akan dapat menikmati hak sama rata dengan yang lain.

"Mereka kini berjaya menguasai kebanyakan negara terkuat dan mereka, satu masyarakat yang kecil, telah menjadi satu kuasa dunia. Kita tidak dapat menentang mereka dengan tenaga saja. Kita perlu gunakan akal," katanya.